



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

GP25: GARIS PANDUAN AKTIVITI PAJAK GADAI ISLAM (AR-RAHNU)

BAHAGIAN A: PENGENALAN

TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B Akta Koperasi 1993 (Akta) untuk memberi panduan kepada koperasi bagi melaksanakan aktiviti Ar-Rahnu secara lebih teratur dan berhemat. Garis panduan ini juga disediakan bagi mengawal pembukaan dan perniagaan Ar-Rahnu oleh koperasi.

TAFSIRAN

2. Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain .

“Penggadai (*al-raahin*)” ertinya seseorang individu yang menggadaikan barangnya kepada pengusaha Ar-Rahnu koperasi dan meminjam sejumlah wang dari gadaian tersebut;

“**Akad**” ertinya majlis penyerahan dan penerimaan barang gadaian;

“**Barang gadaian (*marhun*)**” adalah barang emas yang boleh digadaikan kepada koperasi dan boleh dijual beli;

“**Nilai barang gadaian (nilai *marhun*)**” ertinya harga barang gadaian yang telah dinilai mengikut jenis, mutu, berat dan kandungan emas;

“**Pemegang gadai (*al-murtahin*)**” ertinya orang yang memegang barang gadaian iaitu koperasi; dan

“**Penaksir**” ertinya pegawai yang bertanggungjawab menjalankan penilaian barang gadaian tersebut.

LATAR BELAKANG

3. Sistem kewangan Islam pada masa kini telah diperluaskan kepada pembiayaan pajak gadai sebagai usaha untuk menghapuskan riba dan *gharar* (ketidakpastian). Tujuan utamanya adalah untuk menghapuskan hasil bunga (faedah) yang dikenakan oleh pemilik pajak gadai sebagai ganjaran daripada wang tunai yang dipinjamkan.

4. Objektif utama aktiviti ini adalah seperti berikut:

- (a) menyediakan keperluan kewangan yang mudah dan cepat kepada peniaga-peniaga kecil untuk dijadikan sebagai modal pusingan;
- (b) menyediakan sumber kewangan alternatif kepada skim pajak gadai konvensional;

- (c) membolehkan individu memperoleh kewangan yang lebih efektif dari segi kos tanpa perlu meminjam daripada saluran yang mahal seperti %ah long+, %et+ atau syarikat peminjam wang;
- (d) membangunkan kedudukan sosio-ekonomi masyarakat berpendapatan rendah dengan berperanan sebagai:
 - (i) modal kepada perniagaan kecil;
 - (ii) pembiaya pendidikan; dan
 - (iii) pembangunan dalam industri kecil dan sederhana.

5. Perbezaan utama antara sistem gadaian secara Islam dan konvensional ialah dalam kes gadaian secara Islam, barang gadaian tetap menjadi hak pemilik asal walaupun ia telah digadaikan. Cara pembayaran balik marhun tersebut adalah berdasarkan kepada nilai marhun dan upah pemegangan yang sewajarnya. Sistem gadaian ini adalah berkonsepkan amal jariah dan bantu-membantu bagi individu yang memerlukan untuk meringankan bebanan mereka.

6. Dalam sistem gadaian konvensional, barang yang digadaikan mengikut amaun tertentu akan lopus sekiranya tidak ditebus dalam tempoh gadaian. Cara pembayaran balik pula adalah berdasarkan kepada nilai barang dan ditambah dengan faedah atau riba. Amalan sebegini pasti membebangkan individu yang memerlukan kerana mereka perlu membayar faedah yang dikenakan dan ia jelas melibatkan unsur-unsur riba dan gharar.

BAHAGIAN B: AKTIVITI AR-RAHNU

KONSEP SYARIAH BAGI AKTIVITI AR-RAHNU

7. Aktiviti Ar-Rahnu merupakan pajak gadai Islam yang menggabungkan empat konsep Syariah berikut iaitu Ar-Rahnu (Sandaran), Al-Wadiah Yad Dhamanah (Simpanan Dengan Jaminan), Qardul Hassan (Pembiayaan Kebajikan) dan Al-Ujrah (Upah).

RUKUN GADAIAN

8. Aktiviti Ar-Rahnu merupakan kemudahan pembiayaan untuk satu jangka masa bayaran balik yang pendek tanpa melibatkan unsur riba dan hanya memerlukan barang gadaian serta bayaran upah menyimpan barang gadaian tersebut. Koperasi hendaklah memastikan lima rukun berikut dipatuhi sebelum melaksanakan aktiviti Ar-Rahnu .

- (a) penggadai;
- (b) pemegang gadaian;
- (c) marhun;
- (d) nilai marhun; dan
- (e) akad.

SYARAT-SYARAT MELAKSANAKAN AKTIVITI AR-RAHNU

Koperasi

9. Bagi melaksanakan aktiviti Ar-Rahnu, koperasi dikehendaki memenuhi syarat-syarat berikut:

(a) Prestasi pengurusan

Koperasi mempunyai rekod yang baik dari segi pengurusan di mana akaun koperasi diaudit setiap tahun dan mesyuarat agung tahunan telah diadakan.

(b) Kumpulan Wang Anggota

Koperasi hendaklah mempunyai Kumpulan Wang Anggota sekurang-kurangnya **RM500,000.00**.

(c) Undang-undang Kecil Koperasi

Undang-undang kecil koperasi mempunyai peruntukan berkenaan aktiviti Ar-Rahnu.

(d) Aturan Ar-Rahnu

Tujuan aturan diwujudkan adalah untuk menerangkan kepada anggota mengenai tatacara sesuatu aktiviti koperasi. Aturan hendaklah diluluskan dalam mesyuarat agung yang merangkumi sekurang-kurangnya perkara-perkara berikut:

- (i) tajuk;
- (ii) objektif;
- (iii) definisi;

- (iv) sumber dan kegunaan kewangan;
- (v) pentadbiran dan pengurusan;
- (vi) proses aliran kerja (termasuk dasar mengenai Ar-Rahnu dan dasar mengenali pelanggan). Rujuk **Lampiran 1** bagi proses aliran kerja minimum yang perlu ada;
- (vii) tugas-tugas, tanggungjawab dan kuasa pihak yang terlibat; dan
- (viii) pengurusan kewangan, risiko dan audit.

(e) Kakitangan

Koperasi hendaklah memastikan kakitangan mempunyai latihan yang mencukupi dan kompeten untuk melaksanakan tanggungjawab mereka. Koperasi dikehendaki menyediakan kursus dan latihan yang lebih tersusun dan teratur bagi peningkatan kompetensi dari segi kemahiran dan pengurusan yang merangkumi aspek teknikal pengujian, proses kerja, keselamatan, sahsiah diri serta keusahawanan. Koperasi hendaklah sekurang-kurangnya memastikan:

- (i) kursus ketulenan emas diberi secara berterusan kepada kakitangan terlibat dan digalakkan mempunyai persijilan tahap kepakaran (mengiktiraf peserta kursus pada tahap-tahap kepakaran tertentu);
- (ii) penggunaan peralatan menguji ketulenan emas yang terkini sesuai dengan keperluan industri semasa;
- (iii) ketelitian semasa menguji barang gadaian (emas);
- (iv) wujudnya usaha untuk mengekalkan kakitangan yang mempunyai kepakaran; dan
- (v) kakitangan diberi latihan semasa bekerja (*on job training*).

(f) Lokasi Premis Perniagaan

Koperasi hendaklah memastikan lokasi premis untuk menjalankan aktiviti Ar-Rahnu terletak di kawasan yang strategik, tidak tersembunyi dan mempunyai ramai penduduk.

(g) Infrastruktur Bangunan

Koperasi hendaklah memastikan bangunan yang digunakan perlu mengikut spesifikasi yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan. Infrastruktur bangunan tersebut hendaklah mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti sistem ~~alarm~~ dan CCTV, pengawal keselamatan, peti besi serta pintu besi bilik kebal. Koperasi hendaklah juga mewujudkan kaunter Ar-Rahnu dengan mengambil kira pelbagai aspek keselamatan dan keselesaan kakitangan dan umum.

(h) Pengurusan Teknologi

Koperasi hendaklah menyediakan sistem pengurusan teknologi yang bersesuaian mengikut perkembangan semasa termasuklah .

- (i) sistem pengrekodan teknologi maklumat setiap pelanggan serta status setiap urusniaga. Segala transaksi atau urusniaga hendaklah sebaik mungkin direkodkan dalam sistem secara berkomputer supaya mudah untuk pengiraan dan pemantauan serta mudah diekstrak untuk kegunaan koperasi memandangkan data-data sedemikian adalah bersifat dinamik dan fleksibel;
- (ii) pengujian barang gadaian dengan menggunakan teknologi semasa; dan
- (iii) sistem keselamatan dan pemantauan berpandukan kepada teknologi keselamatan yang menyeluruh dan terkini.

(i) Perlindungan Takaful

Dalam mengendalikan apa-apa perniagaan, langkah-langkah pencegahan perlu diambil untuk mengelak koperasi dan pelanggannya daripada mengalami kerugian. Oleh itu, koperasi hendaklah menyediakan perlindungan takaful, sekurang-kurangnya, ke atas .

- (i) barang gadaian Ar-Rahnu;
- (ii) kakitangan (termasuk perlindungan ke atas kejujuran kakitangan);
- (iii) premis perniagaan;
- (iv) pindahan wang tunai (*money in transit*); dan
- (v) pindahan barang gadaian.

(j) Kaedah pengujian barang gadaian

Koperasi hendaklah memastikan kaedah pengujian barang adalah berlandaskan amalan industri.

(k) Prestasi Aktiviti Utama atau Sedia Ada

Pelaksanaan aktiviti Ar-Rahnu yang dibuat tidak akan menjaskan aktiviti utama atau sedia ada koperasi.

(l) Undang-Undang Bertulis Lain

Koperasi hendaklah mematuhi peruntukan undang-undang bertulis lain, jika ada.

Penggadai

10. Sebelum menjalankan aktiviti Ar-Rahnu, koperasi hendaklah memastikan seseorang penggadai memenuhi syarat minimum seperti berikut:

- (a) merupakan seorang anggota atau bukan anggota koperasi;
- (b) berumur tidak kurang daripada 18 tahun; dan
- (c) mempunyai keupayaan dari segi mental (waras).

11. Penggadai hendaklah mengesahkan bahawa barang gadaian adalah milik sendiri melalui surat akuan gadaian.

DOKUMEN BAGI TUJUAN PERMOHONAN MENJALANKAN AKTIVITI AR-RAHNU

12. Koperasi hendaklah mengemukakan permohonan bagi menjalankan aktiviti Ar-Rahnu kepada Suruhanjaya dengan menggunakan borang di **Lampiran 2** dan dokumen-dokumen berikut dengan lengkap .

- (a) kertas kerja yang sekurang-kurangnya mengandungi maklumat seperti di para 9;
- (b) cabutan minit mesyuarat agung dan mesyuarat Lembaga yang disahkan;
- (c) cabutan undang-undang kecil yang membenarkan menjalankan aktiviti Ar-Rahnu yang disahkan;
- (d) prestasi aktiviti Ar-Rahnu yang sedia ada, jika ada;
- (e) penyata harta-harta mudah tunai seperti format di **Lampiran 3**;

- (f) salinan penyata terimaan dan bayaran atau akaun pengurusan yang terkini, mana berkaitan;
- (g) Laporan dan Penyata Kewangan Teraudit bagi **3 tahun** terakhir; dan
- (h) dokumen tambahan lain bagi menyokong permohonan.

13. Koperasi yang menjalankan aktiviti Ar-Rahnu boleh dikenakan caj permohonan dan fi tahunan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

PEMBUKAAN CAWANGAN

14. Sebelum sesebuah cawangan dibuka, koperasi hendaklah membuat penyelidikan awal mengenai kesesuaian lokasi, reka bentuk premis atau kedai dan persekitaran setempat bagi memenuhi keperluan masyarakat di sekitarnya. Koperasi juga perlu memastikan kehendak Akta SKM 2007, Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi dan **GP18: Garis Panduan Bagi Membuka Cawangan Koperasi Atau Subsidiari Sesuatu Koperasi** dipatuhi.

BAHAGIAN C: PENGENDALIAN AKTIVITI AR-RAHNU

15. Dalam menjalankan aktiviti Ar-Rahnu, koperasi hendaklah menitikberatkan kebaikan dan kemaslahatan kedua-dua belah pihak iaitu koperasi dan penggadai.

16. Koperasi hendaklah memastikan gadaian barang kemas yang diterima adalah tulen dan berkualiti. Barang gadaian emas yang mempunyai simbol keagamaan termasuk patung atau makhluk lengkap bernyawa tidak boleh dijadikan gadaian.

17. Koperasi boleh menerima gadaian barang emas dalam bentuk jongkong, wafer, syiling atau ketulan emas yang dikeluarkan oleh syarikat berdaftar yang disenaraikan oleh koperasi dengan syarat sekurang-kurangnya dokumen-dokumen berikut dikemukakan .

- (a) resit pembelian atau inbois jualan;
- (b) sijil ketulenan emas; dan / atau
- (c) sijil penghargaan majikan.

18. Koperasi perlu mengikuti perkembangan jenis emas palsu yang berada di pasaran semasa terutamanya yang berasal dari negara-negara luar. Penaksir perlu berhati-hati dan mengambil langkah-langkah untuk mengenali pelanggan (*know your customer*) apabila mana-mana pelanggan datang menggadai. Secara minimum, koperasi hendaklah mengadakan kaedah pengujian dan penilaian emas yang bersesuaian berlandaskan piawaian prosedur operasi [*Standard Operating Procedure (SOP)*] koperasi masing-masing dan amalan industri. Antara kaedah yang boleh digunakan adalah pengujian asid (*touchstone*), ketumpatan (*densimeter*) dan *X-Ray Fluorescence (XRF)*.

19. Koperasi hendaklah mempamerkan di premisnya sekurang-kurangnya perkara-perkara berikut:

- (a) harga emas harian;
- (b) upah simpan; dan
- (c) kadar margin pembiayaan.

Waktu Perniagaan Dan Sekatan-Sekatan

20. Koperasi hendaklah menjalankan perniagaan dan menerima apa-apa barang emas sebagai pajak gadai di antara pukul 8 pagi dan 6 petang. Waktu perniagaan selain daripada tempoh tersebut boleh dipertimbangkan oleh Suruhanjaya.

21. Koperasi hendaklah memastikan bahawa barang yang diterima sebagai pajak gadai tidak terdapat sesuatu cap atau tanda menunjukkan ianya sebagai harta Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesebuah Negeri.

Kawalan Had Pembiayaan

22. Jumlah pemberian pembiayaan oleh koperasi kepada setiap penggadai hendaklah tidak melebihi **RM50,000.00** atau tidak melebihi **70%** daripada nilai marhun, mengikut mana yang rendah.

23. Walau bagaimanapun, jumlah keseluruhan pemberian pembiayaan oleh koperasi kepada setiap penggadainya hendaklah tidak melebihi **25%** daripada Kumpulan Wang Anggota.

Tempoh Gadaian

24. Tempoh gadaian maksimum bagi aktiviti Ar-Rahnu adalah 6 bulan sahaja. Walau bagaimanapun, tempoh lanjutan gadaian boleh diberikan dalam gandaan maksimum 6 bulan dengan syarat upah simpan bagi tempoh yang lalu telah dijelaskan sepenuhnya.

Upah Simpan

25. Upah simpan hendaklah dikira berdasarkan nilai marhun dan tempoh bilangan bulan gadaian ditebus. Kadar upah simpan maksimum yang boleh dikenakan oleh koperasi adalah **1% sebulan** ke atas nilai marhun.

26. Kadar upah simpan bagi tempoh lanjutan boleh mengikut budi bicara koperasi. Walau bagaimanapun, ia hendaklah tidak boleh melebihi daripada **1% sebulan** ke atas nilai marhun.

Cara Bayaran Balik

27. Melalui aktiviti Ar-Rahnu, koperasi hendaklah memberi pilihan kepada pelanggannya untuk membuat bayaran balik secara ansuran atau sekali gus. Kaedah bayaran balik pembiayaan kepada koperasi boleh dibuat secara tunai, akaun bank, cek atau perbankan secara elektronik.

Gadaian Semula

28. Penggadai adalah dibenarkan untuk menggadai semula barang gadaian yang sama dengan syarat pembiayaan dan upah simpan yang lama dijelaskan secara pelarasan dengan pembiayaan baharu. Jumlah pembiayaan baharu adalah bergantung kepada nilai marhun semasa.

29. Walau bagaimanapun, koperasi hendaklah memastikan bahawa urusniaga tersebut dilaksanakan dengan telus dan berhemah serta segala dokumen berkaitan disimpan dan direkod dengan teratur.

Penebusan

30. Penggadai adalah berhak menebus marhunnya pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh gadaian atau mana-mana tempoh lanjutan yang diberi oleh koperasi.

Jualan Atau Lelongan

31. Apabila penggadai gagal menebus marhun tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, maka koperasi berhak menjual/melelong marhun berkenaan.

32. Koperasi hendaklah melantik penjual/pelelong bagi menjalankan proses jualan/lelongan mengikut prosedur. Sebelum tindakan menjual/melelong diambil, penggadai akan diberi notis secara bertulis dengan tempoh masa yang mencukupi mengenai tindakan ini untuk memberi peluang bagi menebus marhunnya.

33. Satu notis mengenai pelelongan tersebut hendaklah ditampal di ruang legar dan di hadapan premis Ar-Rahnu yang mudah dilihat bagi pengetahuan penggadai berkenaan dan orang awam. Jika tidak ada penebusan dilakukan **selepas dua minggu** dari tarikh notis, maka penjualan/pelelongan akan dijalankan.

34. Wang hasil daripada lelongan akan digunakan untuk membayar amaun terhutang, kos penjualan/pelelongan dan kos-kos berkaitan yang perlu untuk melaksanakannya, jika ada dan bakinya perlu dituntut oleh penggadai sejurus menerima notis wang lebihan jualan/lelongan.

35. Penggadai adalah berhak untuk memeriksa rekod jualan/lelongan dan penyata kewangan berkenaan dengannya.

36. Upah simpan bagi barang gadaian untuk tujuan jualan/lelongan hendaklah dikira sehingga tempoh penyelesaian berdasarkan nilai marhun pada tarikh asal gadaian dibuat.

37. Apa-apa lebihan jualan/lelongan yang tidak dituntut oleh penggadai dalam tempoh masa **tidak kurang dari dua tahun** hendaklah dibayar kepada Akauntan Negara menurut peruntukan dibawah Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Akta 370).

Promosi Aktiviti Ar-Rahnu

38. Koperasi hendaklah memastikan bahan dan risalah yang digunakan untuk pengiklanan dan promosi produk Ar-Rahnu adalah jelas, adil dan tidak mengelirukan atau mempunyai unsur penipuan. Maklumat penting yang dianggap boleh memberi kesan terhadap keputusan pelanggan yang ingin meminjam hendaklah dipamerkan dengan jelas.

39. Kakitangan atau wakil koperasi hendaklah menyediakan lembaran penzahiran produk seperti di **Lampiran 4** untuk memudahkan pelanggan membuat perbandingan produk Ar-Rahnu di kalangan penyedia perkhidmatan Ar-Rahnu yang sedia ada dan membuat keputusan untuk memilih produk Ar-Rahnu yang boleh memenuhi kehendaknya.

BAHAGIAN D: KEPERLUAN KAWAL SELIA

TADBIR URUS

Lembaga koperasi

40. Lembaga hendaklah bertanggungjawab memastikan .

- (a) dasar dan piawaian aktiviti Ar-Rahnu adalah:
 - (i) selaras dengan aktiviti perniagaan sepetimana termaktub dalam undang-undang kecilnya; dan
 - (ii) bersesuaian dengan kecukupan modal, kepakaran pengurusan dan tahap risikonya.
- (b) aktiviti Ar-Rahnu adalah bersesuaian dengan objektif aktiviti perniagaan dan halatuju koperasi;
- (c) aturan-aturan aktiviti Ar-Rahnu dibentangkan untuk kelulusan mesyuarat agung. Aturan-aturan tersebut hendaklah dikaji dari semasa ke semasa dan dipinda sekiranya perlu;
- (d) koperasi pada setiap masa mengamalkan tadbir urus yang baik;
- (e) pengurusan koperasi yang dipertanggungjawab mempunyai keupayaan untuk mengurus aktiviti Ar-Rahnu;
- (f) proses pengurusan risiko dalam aktiviti-aktiviti Ar-Rahnu adalah mencukupi;
- (g) suatu sistem penyeliaan yang teratur diwujudkan dalam hal pengurusan aktiviti Ar-Rahnu oleh koperasi; dan

(h) aktiviti Ar-Rahnu yang disediakan tidak memudaratkan penggadai dan promosi tidak bersifat penyelewengan.

41. Lembaga hendaklah memantau prestasi aktiviti Ar-Rahnu melalui laporan berkala. Sekurang-kurangnya pada setiap suku tahun, Lembaga diberi taklimat mengenai keseluruhan aktiviti Ar-Rahnu oleh pihak pengurusan. Lembaga hendaklah mengkaji dan mengambil perhatian terhadap perkara-perkara berikut:

- (a) prestasi aktiviti Ar-Rahnu;
- (b) penggadai yang bermasalah dan tindakan susulan yang diambil; dan
- (c) maklumat berkenaan pelelongan yang dibuat, jika ada.

Pengurusan

42. Pihak pengurusan bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar aktiviti Ar-Rahnu sebagaimana diluluskan oleh Lembaga dan bertanggungjawab menyediakan prosedur-prosedur yang perlu untuk dilaksanakan.

43. Tanggungjawab pihak pengurusan termasuk menyediakan:

- (a) bidang kuasa (*clear lines of authority*) dan tanggungjawab yang jelas dalam aktiviti Ar-Rahnu;
- (b) saluran komunikasi yang teratur dan jelas mengenai dasar aktiviti Ar-Rahnu dan dipatuhi oleh pegawai yang terlibat;

- (c) prosedur operasi yang mencukupi dan berkesan serta kawalan dalaman untuk mengenalpasti, mengukur dan mengawal risiko aktiviti Ar-Rahnu dalam usaha melaksanakan dasar dan piawaian yang telah ditetapkan oleh Lembaga;
- (d) sistem pengrekodan yang mencukupi dan berkesan untuk memastikan laporan prestasi aktiviti Ar-Rahnu boleh disediakan dengan cepat, tepat dan berinformasi;
- (e) laporan kepada Lembaga koperasi mengenai semua aspek aktiviti Ar-Rahnu termasuk tempoh gadaian dan lanjutan yang diberikan, upah simpan dan lelongan;
- (f) maklumat kualiti dan risiko aktiviti Ar-Rahnu serta melaksanakan kajian semula ke atas keseluruhan aktiviti tersebut sekerap yang mungkin; dan
- (g) modal insan yang mencukupi dan kompeten.

Jawatankuasa Audit Dalaman

44. Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah memastikan kawalan dalaman, pengurusan risiko dan prosedur aktiviti Ar-Rahnu yang ditetapkan dipatuhi.

PENGURUSAN RISIKO

45. Pengurusan risiko ialah suatu proses untuk melindungi sumber dan aset koperasi daripada kerugian. Amalan pengurusan risiko yang berkesan dapat mengawal atau mengurangkan tahap kerugian yang akan dialami oleh koperasi.

46. Sehubungan itu, Lembaga melalui Jawatankuasa Pengurusan Risiko, sekiranya ada, bertanggungjawab mengamalkan teknik pengurusan risiko yang berkesan dengan mewujudkan:

- (a) rangka kerja dan tatacara yang mencukupi bagi mengenal pasti, memantau dan mengawal risiko;
- (b) prosedur operasi aktiviti Ar-Rahnu yang mencukupi dan berkesan; dan
- (c) proses kawalan dalaman untuk menilai, mengukur, mengawal, memantau dan melaporkan segala jenis risiko.

47. Dasar dan prosedur pengurusan risiko hendaklah diluluskan oleh Lembaga koperasi dan didokumen.

Proses Pengurusan Risiko

48. Penilaian Pembiayaan Aktiviti Ar-Rahnu

- (a) Setiap permohonan pembiayaan tertakluk kepada analisis sesuai dengan saiz transaksi. Format dokumen piawaian untuk penilaian dan pendekatan analisis yang seragam perlu ada. Penilaian hendaklah termasuk kaedah mengenali penggadai (*know your customer*), tujuan dan sumber bayaran balik pembiayaan.
- (b) Dasar bertulis perlu ada untuk melulus pembiayaan, pembaharuan pembiayaan sedia ada dan/atau perubahan terhadap syarat pembiayaan yang telah diluluskan terdahulu.

49. Kelulusan Pembiayaan

- (a) Fungsi kelulusan pembiayaan hendaklah selaras dengan panduan yang disediakan oleh Lembaga dan aturan-aturan yang telah diluluskan oleh mesyuarat agung.
- (b) Proses kelulusan pembiayaan hendaklah memastikan wujudnya .
 - (i) akauntabiliti terhadap keputusan yang dibuat;
 - (ii) pembahagian kuasa untuk melulus atau membuat perubahan dalam terma; dan
 - (iii) had pembiayaan yang dibenarkan.
- (c) Kuasa melulus pembiayaan hendaklah selaras dengan kepakaran atau pengalaman pegawai yang terlibat.
- (d) Jejak audit (*audit trail*) hendaklah jelas, di mana dokumen segala aspek proses kelulusan pembiayaan disimpan dan pegawai dan/atau jawatankuasa yang memberi komen dan membuat keputusan boleh dikenalpasti.

50. Pemantauan dan kajian semula

- (a) Penilaian dan kajian semula pembiayaan adalah asas untuk mengukur dan melapor prestasi pembiayaan secara tepat.
- (b) Koperasi perlu mengkaji semula semua pembiayaan.
- (c) Tatacara pemantauan perlu menentukan kriteria untuk mengenalpasti dan melapor pembiayaan dan transaksi lain yang berpotensi bermasalah supaya pembiayaan tersebut tertakluk kepada pemantauan yang lebih teliti dan tindakan penambahbaikan boleh diambil, jika perlu.

- (d) Tatacara pemantauan yang efektif hendaklah termasuk:
- (i) memastikan koperasi memahami kedudukan kewangan terkini penggadai; dan
 - (ii) memastikan pemberian pambiayaan mematuhi kehendak undang-undang.

51. Kajian terhadap kawalan kualiti

- (a) Jawatankuasa Audit Dalaman atau pegawai yang diberi kuasa hendaklah menjalankan kajian pemberian pambiayaan koperasi sekurang-kurangnya dua kali setahun. Koperasi hendaklah menjalankan kajian semula proses pemberian pambiayaan sekurang-kurangnya dua tahun sekali, jika perlu.
- (b) Objektif kajian adalah untuk menentukan kualiti pemberian pambiayaan, mengemukakan pemberian bermasalah serta puncanya dan memberi cadangan untuk mendapat balik pemberian bagi meminimumkan kerugian. Jawatankuasa juga menentukan kepatuhan terhadap dasar dan prosedur pemberian pambiayaan. Laporan pemberian bermasalah hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga.

PEMELIHARAAN KERAHSIAAN

52. Anggota Lembaga, pegawai, kakitangan, juruaudit atau mana-mana orang yang mempunyai akses kepada maklumat mana-mana anggota atau pelanggan yang diperoleh dalam melaksanakan perniagaan atau tugas kepada koperasi, tidak boleh digunakan untuk kepentingan peribadi dan tidak boleh dizahirkan kepada mana-mana orang tanpa izin anggota atau pelanggan melainkan yang dibenarkan oleh undang-undang bertulis.

PEMATUHAN PRINSIP SYARIAH

53. Bagi maksud menjalankan aktiviti Ar-Rahnu, koperasi hendaklah memastikan prinsip-prinsip syariah dalam amalan aktiviti tersebut dipatuhi.

PEMATUHAN UNDANG-UNDANG BERTULIS LAIN

54. Koperasi hendaklah pada setiap masa memastikan aktivitinya tidak bercanggah dengan undang-undang bertulis lain di antaranya seperti Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram Dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (*Anti Money Laundering And Anti Terrorist Financing Act 2001*) agar integriti dan reputasi koperasi terpelihara.

55. Oleh itu, koperasi bertanggungjawab mewujudkan kawalan-kawalan yang mencukupi khususnya pelaksanaan pemeriksaan usaha wajar (*due diligence*) serta kaedah mengenali pelanggan (*know your customer*) untuk mengelak daripada digunakan sebagai konduit bagi aktiviti sedemikian.

PELAPORAN

56. Menurut seksyen 85A, koperasi hendaklah mengemukakan apa-apa maklumat dan statistik yang dikehendaki oleh Suruhanjaya. Sehubungan itu, koperasi dikehendaki mengemukakan laporan berikut pada setiap suku tahun mengikut format seperti di **Lampiran 5**.

- (a) Laporan Gadaian;
- (b) Laporan Jualan / Lelongan; dan
- (c) Laporan Lebihan Tidak Dituntut Yang Dihantar Kepada Akauntan Negara.

PEMANTAUAN

57. Koperasi hendaklah melaporkan prestasi aktiviti Ar-Rahnu kepada anggota melalui laporan Lembaga dan dibentang dalam mesyuarat agung.


AM

58. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Akta dan peraturan-peraturan. Pengecualian terhadap mana-mana peruntukan dalam garis panduan ini boleh diberikan oleh Suruhanjaya secara bertulis kepada mana-mana koperasi demi kepentingan gerakan koperasi.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

59. Semua koperasi dikehendaki mematuhi peruntukan di bawah Akta, peraturan-peraturan, perintah dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

60. Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaianya mulai **14 Februari 2013**.


“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”


(DATUK NIK ALI BIN MAT YUNUS)
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh: 14 Februari 2013

LAMPIRAN 1**PROSES ALIRAN AKTIVITI AR-RAHNU**

Koperasi hendaklah mewujudkan suatu proses aliran aktiviti Ar-Rahnu. Gambar ringkas proses aliran disertakan di Rajah 1. Proses ini hendaklah merangkumi sekurang-kurangnya perkara-perkara berikut:

- (a) Syarat-syarat kelayakan penggadai
- (b) Syarat-syarat gadaian
- (c) Syarat-syarat pembiayaan
- (d) Tempoh gadaian atau lanjutan gadaian
- (e) Margin atau had pembiayaan
- (f) Had kuasa melulus pembiayaan
- (g) Cara pembayaran balik pembiayaan
- (h) Caj upah simpan
- (i) Gadaian semula
- (j) Penebusan gadaian
- (k) Lelongan gadaian
- (l) Rekod perakaunan
- (m) Hal-hal lain
 - (i) Hilang upaya kekal atau kematian penggadai
 - (ii) Kehilangan surat akuan gadaian
 - (iii) Kes Polis

RAJAH 1

LAMPIRAN 2**PERMOHONAN BAGI TUJUAN MENJALANKAN AKTIVITI AR-RAHNU**

Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Tingkat 17, Putra Place
100 Jalan Putra
50350 Kuala Lumpur
(u.p : Bahagian Statutori dan Pendaftaran)

Melalui

Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri _____

Dengan sukacitanya saya bagi pihak Koperasi _____ Berhad
dengan ini membuat permohonan bagi menjalankan aktiviti Ar-Rahnu.

2. Bersama-sama ini disertakan maklumat berikut untuk pertimbangan tuan:

A. BUTIR-BUTIR PEMOHONAN**i. Cawangan:**

Cawangan Baharu :

Cawangan Sedia Ada Tarikh Kelulusan Suruhanjaya: _____
(sila sertakan salinan surat)

Alamat :

ii. Sumber Dana:

- Sumber Dalaman :

- Sumber Luaran :

Jumlah Pembiayaan : _____
Institusi Pembiayaan : _____
Tarikh Kelulusan Suruhanjaya : _____

iii. Modal Permulaan : _____

B. **BUTIR-BUTIR PEMOHON**

- i. Nama Berdaftar : _____
Koperasi

ii. Tarikh Daftar : _____ No. Daftar : _____

iii. Alamat Berdaftar : _____

- iv. Alamat Surat : _____
Menyurat

v. No.Telefon : _____ No. Faks : _____

vi. E-mel : _____

vii. Tahun Kewangan : _____ Fungsi : _____

viii. Aktiviti : _____

3. Bersama borang permohonan ini disertakan dokumen berikut [tandakan (½)]

3.1 Kertas Kerja Menjalankan Aktiviti Ar-Rahnu

(sila rujuk kepada para 9 dalam Garis Panduan ini untuk maklumat yang diperlukan)

3.2 Cabutan minit mesyuarat agung yang meluluskan menjalankan aktiviti Ar-Rahnu yang disahkan oleh Lembaga

3.3 Cabutan minit mesyuarat Lembaga yang meluluskan Menjalankan aktiviti Ar-Rahnu yang disahkan oleh Lembaga

3.4 Cabutan Undang-Undang Kecil koperasi yang membenarkan menjalankan aktiviti Ar-Rahnu yang disahkan oleh Lembaga

3.5 Aturan aktiviti ar-rahnu yang diluluskan oleh mesyuarat agung

3.6 Prestasi aktiviti Ar-Rahnu sedia ada, jika ada

3.7 Aktiviti Ar-Rahnu lain yang terdapat di sekitar yang dicadangkan (Nyatakan nama, alamat dan jaraknya)

3.8 Penyata Kewangan Teraudit bagi 3 tahun terakhir koperasi

3.9 Penyata harta-harta mudah tunai koperasi

3.10 Salinan penyata terimaan dan bayaran atau akaun pengurusan yang terkini, mana berkaitan;

3.11 Dokumen tambahan lain bagi menyokong permohonan.

4. Dengan ini:

- 4.1 Kami mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan adalah benar.
- 4.2 Kami bersetuju dengan apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.
- 4.3 Kami bersetuju bahawa Suruhanjaya berhak menolak permohonan kami tanpa memberi apa-apa sebab dan berhak menarik balik kelulusan yang telah diberikan sekiranya didapati maklumat yang dikemukakan adalah tidak benar.

Tandatangan _____ Tandatangan _____

Nama _____ Nama _____

Jawatan Dalam Koperasi _____ Jawatan Dalam Koperasi _____

Cop Koperasi _____ Cop Koperasi _____

Tarikh _____ Tarikh _____

Arahan :

- (i) Lengkapkan borang permohonan (3 salinan).
- (ii) Sertakan dokumen-dokumen seperti di para 3 dengan lengkap (3 salinan).
- (iii) Sertakan kertas kerja berpandukan penyediaan kertas kerja pembukaan cawangan dengan lengkap (3 salinan).

LAMPIRAN 3

CONTOH FORMAT PENYATA HARTA-HARTA MUDAH TUNAI

		AMAUN	
		BULANINI	BULAN LALU
A.	HARTA-HARTA MUDAH TUNAI		
	1. Wang di Tangan		
	2. Wang Dalam Perjalanan		
	3. Baki Di Bank		
	- Akaun Semasa		
	- Akaun Simpanan		
	4. Wang Panggilan Di Bank		
	5. Bon-Bon Kerajaan		
	6. Simpanan Tetap Dalam		
	- Bank		
	- Institusi kewangan		
	- Koperasi		
	(Nota: Simpanan tetap yang bebas dari cagaran dan sebarang sangkutan)		
		JUMLAH	
B.	DEPOSIT DAN SIMPANAN KHAS		
	DITERIMA		
	1. Deposit		
	2. Simpanan Khas		
		JUMLAH	
C.	Lebihan Harta-Harta Mudah Tunai Atas Deposit Dan Simpanan Khas (A-B)		

LAMPIRAN 4

**CONTOH FORMAT
LEMBARAN PENZAHIRAN PRODUK**

Nama produk: Pembiayaan Ar-Rahnu

(Baca Lembaran Penzahiran Produk ini sebelum anda memutuskan untuk memohon Pembiayaan Ar-Rahnu. Sila baca terma dan syarat am)

1	Produk ini mengenai apa? <ul style="list-style-type: none"> • Produk ini merupakan skim pajak gadai Islam yang menyediakan alternatif pembiayaan kepada individu dalam memenuhi keperluan wang tunai secara segera, menawarkan peluang pelaburan serta menyekat aktiviti pembiayaan secara haram atau tidak berlesen.
2	Apakah Konsep Syariah digunakan? <p>Menggabungkan Konsep-konsep Syariah Ar Rahnu, Al Wadiyah, Al Qard dan Al Ujrah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ar Rahnu adalah mekanisme di mana satu barang berharga dijadikan sandaran yang terikat dengan pembiayaan secara bercagar yang boleh dibayar dengannya, sekiranya pembiayaan tersebut tidak dapat dijelaskan. • Al Wadiyah merujuk kepada simpanan barang berharga dengan jaminan. • Al Qard merujuk kepada pembiayaan yang diberi mengikut peratusan tertentu nilai marhun. • Al Ujrah merujuk kepada upah simpan yang dikenakan ke atas nilai marhun.
3	Apakah kelebihan yang saya dapat dari produk ini? <p>Kelebihan produk ini adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembiayaan berlandaskan Syariah • Cepat dan mudah • Barang gadaian dijamin keselamatannya • Upah simpan yang rendah (<i>more cost efficient</i>) • Kadar upah tetap (tidak berubah) sehingga penbusan • Tempoh gadaian lebih lama
4	Apakah saya layak untuk memohon? <p>Produk ini terbuka kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Anggota koperasi • Bukan anggota • 18 tahun ke atas • Waras

5	<p>Berapakah nilai pembiayaan yang boleh saya peroleh?</p> <p>Anda boleh memperoleh wang tunai sehingga 70% daripada nilai emas (<i>marhun</i>). Jumlah pembiayaan maksimum sehingga RM50,000 seorang dengan RM10,000 setiap transaksi.</p>								
6	<p>Berapa lamakah tempoh gadaian yang boleh dikenakan kepada saya?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tempoh gadaian asas selama 6 bulan (tempoh matang) • Tempoh lanjutan pertama selama 2 bulan • Tempoh lanjutan kedua selama 2 bulan 								
7	<p>Apakah jenis barang gadaian yang boleh diterima oleh koperasi?</p> <p>Semua jenis barang kemas yang diperbuat daripada emas yang mempunyai mutu berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • emas 999 • emas 875 • emas 950 • emas 835 • emas 916 • emas 750 								
8	<p>Bagaimanakah cara penebusan gadaian dibuat?</p> <p>Penebusan gadaian boleh dibuat secara .</p> <ul style="list-style-type: none"> • ansuran atau • sekali gus atau • pada bila-bila masa sebelum atau pada tarikh matang 								
9	<p>Apakah caj yang perlu saya bayar?</p> <p>Bayaran upah simpan seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="251 1262 1041 1474"> <thead> <tr> <th data-bbox="251 1262 616 1347">Margin pembiayaan</th><th data-bbox="616 1262 1041 1347">Upah simpan bagi setiap RM100 Nilai Marhun/Bulan</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="251 1347 616 1396">50%</td><td data-bbox="616 1347 1041 1396">RM0.50</td></tr> <tr> <td data-bbox="251 1396 616 1444">60%</td><td data-bbox="616 1396 1041 1444">RM0.60</td></tr> <tr> <td data-bbox="251 1444 616 1493">70%</td><td data-bbox="616 1444 1041 1493">RM0.75</td></tr> </tbody> </table>	Margin pembiayaan	Upah simpan bagi setiap RM100 Nilai Marhun/Bulan	50%	RM0.50	60%	RM0.60	70%	RM0.75
Margin pembiayaan	Upah simpan bagi setiap RM100 Nilai Marhun/Bulan								
50%	RM0.50								
60%	RM0.60								
70%	RM0.75								
10	<p>Apa yang saya dapat dari produk ini?</p> <p> Nilai Marhun : RMxxx Jumlah amaun pembiayaan : RMxxx (70% atas nilai marhun) Tarikh gadaian : 15 Julai 2012 Tempoh : 180 hari (6 bulan) Tarikh matang : 15 Januari 2013 Kadar upah simpan : RMxx </p>								

11	<p>Apakah tanggungjawab saya?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Upah simpan bulanan : RMxx • Ansuran bulanan : RMxx • Jumlah untuk dibayar termasuk jumlah pembiayaan: RMxx
12	<p>Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sekiranya anda gagal menebus marhun tersebut dalam tempoh gadaian atau tempoh lanjutan yang diberikan, maka koperasi berhak menjual/melelong marhun berkenaan mengikut prosedur penjualan/pelelongan. • Wang hasil daripada jualan/lelongan akan digunakan untuk membayar amaun terhutang, kos penjualan/pelelongan dan kos-kos yang berkaitan. Bakinya boleh anda tuntut sejurus menerima notis wang lebihan lelongan.
13	<p>Apakah risiko terlibat?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jika anda mempunyai masalah memenuhi kewajipan pembiayaan anda, sila hubungi pihak koperasi dengan segera untuk membincangkan pembayaran alternatif.
14	<p>Adakah saya memerlukan penjamin?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tiada penjamin diperlukan.
15	<p>Apa yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan mengenai butiran peribadi?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Adalah penting anda memaklumkan koperasi mengenai apa-apa perubahan butiran peribadi anda untuk memastikan semua urusan komunikasi dengan anda disampaikan dengan lebih berkesan.
16	<p>Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Untuk maklumat lanjut, pertanyaan atau maklum balas mengenai produk dan perkhidmatan kami yang terkini, anda boleh menghubungi Pusat Panggilan kami di talian 1300 xx xxxx atau kunjungi laman web kami di www.koperasiABC.com.my atau mana-mana cawangan Koperasi ABC Berhad yang berdekatan.

	<ul style="list-style-type: none">• Sekiranya anda ingin membuat aduan, sila hubungi kami di: Bahagian Aduan Anggota Koperasi ABC berhad 22, Jalan STU 53000 Kuala Lumpur Tel: Faks: E-mel:• Sekiranya koperasi tidak dapat menyelesaikan aduan tersebut, anda boleh merujuk selanjutnya kepada: Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan Tingkat 10, Sunway Putra Tower, 100 Jalan Putra, 50350 Kuala Lumpur Laman web: www.skm.gov.my Tel: 03-40474000; Faks: 03-40474116 Atau Sistem Aplikasi Online Aduan Koperasi = http://apponline.skm.gov.my
17	Pakej pembiayaan peribadi lain yang tersedia ialah: <ul style="list-style-type: none">• Pembiayaan Tunai-i• XYZ

LAMPIRAN 5

LAPORAN PRESTASI AKTIVITI PAJAK GADAI ISLAM (AR-RAHNU)

NAMA KOPERASI : ñ

TARIKH / BILANGAN DAFTAR :
.....

FUNGSI :
.....

KUMPULAN WANG ANGGOTA (RM) :

LAPORAN TAHUN

2013	31 MAC	$\frac{1}{2}$
	30 JUN	
	30 SEPT	
	31 DIS	

PEGAWAI KOPERASI UNTUK DIHUBUNGI:

NAMA :

NO TELEFON :

E-MEL :

COP RASMI :

1. LAPORAN GADAIAN

Bil	Jenis Penggadai	(a)		(b)		(c)		(d)	(e)	(f)	(g)	(h)	(i)
		Bil. Permohonan		Jumlah Pembiayaan (RM)		Margin Pembiayaan (%)	Baki Pembiayaan (RM)	Tempoh Gadaian (bulan)	Jumlah Upah Simpan (RM)	Sambung gadaian/gadaian semula		Tempoh (bulan)	Jumlah Upah Simpan (RM)
		Diterima	Dilulus	Diterima	Dilulus					Tempoh (bulan)	Jumlah Upah Simpan (RM)		

Penerangan:

- (i) Data untuk kolumn (b), (c), (e), (g) dan (i) hendaklah diisi secara kumulatif
- (ii) Bagi kolumn (d), (f) dan (h), boleh nyatakan secara julat sekiranya penetapan lebih dari satu
- (iii) Nyatakan dasar koperasi bagi berikut:
 - (a) Margin Pembiayaan : contoh, penetapan margin lebih dpd satu seperti 65%, 75% dan 80% untuk produk-produk lain
 - (b) Tempoh Gadaian : contoh, 1, 2, 3, 4, 5, 6 bulan atau gandaan 2 bulan seperti 1, 2, 4, 6 bulan
 - (c) Kadar Upah Simpan : contoh, RM0.65 bagi setiap RM100 nilai marhun bagi pembiayaan sehingga RM5,000. RM0.75 bagi setiap RM100 nilai marhun bagi pembiayaan dari RM5,000 - RM10,000 dili.
- (iv) Laporan ini hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dalam tempoh 14 hari selepas setiap suku tahun (iaitu selewat-lewatnya pada 14 April, 14 Julai, 14 Oktober dan 14 Januari)

2. LAPORAN JUALAN/LELONGAN

Nama Penggadai	Alamat Penggadai	Tarikh Gadaian	Jenis Sandaran	Jumlah Pembiayaan	Upah Simpan	Tarikh Jualan/ Lelongan	Tarikh Jualan/ Lelongan	Jumlah Jualan/ Lelongan	Jumlah Serahan Lebihan Jualan	Jumlah Lebihan Tidak Dituntut

3. LAPORAN LEBIHAN JUALAN/LELONGAN TIDAK DITUNTUT YANG DIHANTAR KEPADA AKAUNTAN NEGARA

[sila lengkapkan laporan ini sekiranya terdapat lebihan jualan/lelongan yang diserahkan kepada Akauntan Negara menurut Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Akta 370) seperti di para 37 garis panduan ini]

Nama Penggadai	Alamat Penggadai	Tarikh Gadaian	Jenis Sandaran	Jumlah Pembiayaan	Upah Simpan	Tarikh Jualan/ Lelongan	Tarikh Jualan/ Lelongan	Jumlah Jualan/ Lelongan	Jumlah Lebihan Tidak Dituntut
JUMLAH									

TARIKH DIHANTAR = _____